



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsemilan>

Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 (14)

Tarikh : 4 September 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN
BIL. 14 TAHUN 2020 : GARIS PANDUAN PENGURUSAN PULANGAN BALIK HASIL**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.3 Tahun 2019 telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Pulangan Balik Hasil. Garis panduan ini menerangkan secara terperinci tentang tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pejabat Pemungut (PP) dan Pejabat Perakaunan (AO) dalam melaksanakan pengurusan pulangan balik hasil bagi memastikan transaksi diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3. Sehubungan itu, PTJ / PP adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara berikut :

3.1 Kelulusan Pulangan Balik Hasil

i. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 87(a) dan AP87(b), Pegawai Pelulus bagi pulangan balik hasil dan had aman kelulusan adalah seperti berikut :

Pegawai Pelulus	Had Amaun Kelulusan
Ketua Jabatan	Sehingga RM1,000
Pegawai Pengawal	Melebihi RM1,000 sehingga RM50,000
Ketua Setiausaha Perbendaharaan	Melebihi RM50,000

3.2 Dokumen Sokongan Yang Perlu Dilampirkan

- i. Permohonan pulangan balik hasil hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut :
 - a) Borang Permohonan Pulangan Balik Hasil yang disahkan oleh Ketua Jabatan (Lampiran D1, SPANM Bil.3/2019);
 - b) Surat iringan atau permohonan daripada Jabatan yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan (Lampiran D2, SPANM Bil.3/2019);
 - c) Surat permohonan daripada pemohon asal (Lampiran D3, SPANM Bil.3/2019);
 - d) Salinan Kad Pengenalan pemohon yang diakui sah;
 - e) Salinan Penyata Bank terkini pemohon yang diakui sah;
 - f) Surat kelulusan Pegawai Pengawal (bagi amaun melebihi RM1,000 sehingga RM50,000) atau Ketua Setiausaha Perbendaharaan (bagi amaun melebihi RM50,000); dan
 - g) Dokumen sokongan yang berkaitan (Lampiran D4, SPANM Bil.3/2019).

4. Sehubungan itu, semua PTJ / PP bertanggungjawab memastikan pulangan balik hasil adalah mematuhi peraturan yang berkuatkuasa, terutamanya bagi memastikan tidak berlaku kesilapan pembayaran dua kali. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, dipohon pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk menghubungi pegawai-pegawai Unit Akaun, JANM Negeri Sembilan di talian 06-768 6839 / 6890 / 6830.

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,

(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

BORANG PERMOHONAN PULANGAN BALIK HASIL (VOT B11)**A. MAKLUMAT PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PEJABAT PEMUNGUT**

1.	Nama PTJ
2.	Kod Kump PTJ & PTJ
3.	Alamat PTJ
4.	No. Telefon
5.	No. Faks

B. MAKLUMAT PENERIMA BAYARAN

1.	Nama Penuh Penerima Bayaran
2.	No. Kad Pengenalan (Baharu) @ No. Pendaftaran Syarikat
3.	Alamat Surat Menyurat
4.	No. Telefon
5.	Alamat e-mel
6.	Amaun yang dituntut (RM)
7.	Sebab Permohonan
8.	No. Akaun Bank (sertakan salinan buku bank/ penyata bank)
9.	Nama Bank
10.	Alamat Bank

C. PENGAKUAN JABATAN

Saya mengakui bahawa segala maklumat yang diberikan dan dikemukakan dalam borang permohonan ini adalah benar dan bayar bayaran belum dibuat.

Cap Jabatan

Tandatangan Penyedia
Nama dan Jawatan Rasmi
Tarikh:

Tandatangan Ketua Jabatan
Nama dan Jawatan Rasmi
Tarikh:

Ditandatangani
oleh Ketua
Jabatan

D. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PERAKAUNAN

- Surat Iringan dari Ketua Jabatan bagi setiap permohonan
- Satu (1) Salinan Asal Borang Permohonan Pulangan Balik Hasil – Vot B11 yang terkini dari PTJ
- Surat permohonan dari pemohon asal
- Dokumen-dokumen berkaitan (mengikut kategori permohonan) (senarai semak disediakan)
- Satu (1) Salinan Penyata Bank/ Buku Akaun Penerima/ Penyata dalam talian (*Online Statement*)
- Perkara-perkara lain: 1.
2.
3.
4.
5.

Sila pastikan
dokumen-
dokumen ini
dilampirkan

Rujukan Kami :

Tarikh : _____

Pejabat Perakaunan
Tuan/ Puan,

Alamat JANM
Negeri Sembilan

PERMOHONAN PULANGAN BALIK HASIL.....

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan ini ingin memohon bayaran balik hasil yang telah dikreditkan ke Hasil Kerajaan Persekutuan berjumlah RM_____.
3. Pihak Jabatan ini juga turut mengesahkan bahawa bayaran _____ (contoh: sewa rumah/yuran pengajian/laporan perubatan dan lain-lain) yang telah dibuat oleh pemohon telah dimasukkan ke Hasil Kerajaan Persekutuan seperti dokumen-dokumen yang disertakan.
4. Sehubungan dengan itu juga adalah disahkan bahawa pemohon ini tidak pernah menuntut pembayaran sebelum ini dan tidak akan membuat tuntutan yang sama pada masa akan datang. Oleh yang demikian, pihak kami berharap pembayaran ini dapat diproses oleh pihak tuan/ puan.

Kerjasama dan tindakan daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(t.t)
Nama Ketua Jabatan :
Jabatan : _____

Ditandatangani
oleh Ketua
Jabatan

|
Nama & Alamat Pemohon

Rujukan :
Tarikh :

Pejabat Perakaunan

Tuan/ Puan,

PENGESAHAN NOMBOR AKAUN DAN PENGESAHAN TUNTUTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya/pihak kami _____ ingin menuntut bayaran balik _____ (contoh : sewa rumah/yuran pengajian/laporan perubatan dan lain-lain) yang berjumlah RM _____. Saya juga mengesahkan tidak pernah menuntut pembayaran sebelum ini dan tidak akan membuat tuntutan yang sama pada masa akan datang. Berikut adalah maklumat nombor akaun saya yang masih aktif, betul dan sah :

Nombor Akaun : _____
Nama Bank : _____

3. Oleh yang demikian, saya berharap pembayaran ini dapat diproses oleh pihak tuan/puan. Kerjasama dan tindakan daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(_____ t.t)

Nama :

No.K/P :

← Ditandatangani oleh
pemohon

s.k. Jabatan/PTJ yang berkaitan